



UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA
*The National University
of Malaysia*

Action Research *in Practice*

Penceramah

Dr. Jamil B. Ahmad

Tarikh

**12 Ogos 2015
(Rabu)**

Masa

**8:30 Pagi – 5:00
Petang**

Tempat

**Bilik Kuliah 8,
Fakulti Teknologi Sains Maklumat,
UKM**



Pendaftaran

ESPEL

<https://smk.ukm.my/espel/>



Dr. Jamil bin Ahmad

Jabatan Kepimpinan dan Polisi Pendidikan
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

Biodata

Dr. Jamil Ahmad merupakan Pensyarah Kanan, Jabatan Kepimpinan dan Polisi Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau mempunyai Ijazah Doktor Falsafah dalam Bidang Pengukuran dan Penilaian dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2002. Sebelum menjawat jawatan Pensyarah Kanan di UKM, beliau pernah berkhidmat sebagai Guru di sebuah sekolah di Kedah selama 9 tahun, sebagai Pensyarah di Maktab Perguruan selama 8 tahun dan sebagai Penolong Pengarah di Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) KPM selama 5 tahun. Bidang kepakaran beliau adalah dalam bidang Pengukuran dan Penilaian, Penilaian Program, Metodologi Penyelidikan Pendidikan, Penyelidikan Tindakan, Statistik Dalam Penyelidikan Sains Sosial dan Analisis Data Menggunakan SPSS. Dalam bidang Penyelidikan Tindakan, beliau terlibat secara langsung sebagai penceramah utama dalam program pembudayaan penyelidikan tindakan dalam kalangan guru-guru di sekolah melalui **Program for Innovation Excellence and Research” (PIER) tahun 1993-1996** oleh KPM. Beliau juga terlibat dalam menulis dan menerbitkan Manual Kajian Tindakan KPM. Setelah PIER tamat dalam tahun 1996, beliau bersama pegawai BPPDP, KPM meneruskan program pembudayaan Penyelidikan Tindakan di sekolah-sekolah sehingga tahun 2006, sebelum beliau berkhidmat di UKM. Beliau juga terlibat dalam program membudayakan penyelidikan dalam kalangan pensyarah-pensyarah maktab perguruan sejak tahun 1992 serta di institusi pendidikan lain seperti Kolej Matrikulasi, Kolej Profesional MARA dan Kolej Komuniti.

Bengkel Action Research in Practice

Synopsis

Pendidikan formal di Malaysia merupakan salah satu wahana utama bagi pembangunan negara dalam mencapai matlamat Wawasan 2020. Pelaksanaan dan pengisian pendidikan formal mestilah berupaya menangani persoalan pembangunan murid atau pelajar menerusi pembangunan potensi jasmani, emosi, rohani dan intelek mereka secara bersepadu seperti yang dikehendaki dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Sistem pendidikan mestilah memajukan dan meningkatkan keberkesanan pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran serta penggunaan sumber dalam pengajaran dan pembelajaran yang sejajar dengan hasrat tersebut di samping meningkatkan prasarana-prasarana yang lain. Hal ini dapat dicapai sekiranya para pendidik mengamalkan penyelidikan terhadap amalan pengajaran mereka, membuat refleksi dan mengambil tindakan penambahbaikan bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran. Pendekatan penyelidikan ini dikenali sebagai kajian tindakan. Kajian tindakan merupakan satu bentuk inkuiri refleksi sendiri yang dilakukan secara kolektif; dilakukan oleh peserta yang berada dalam sesuatu situasi sosial bagi tujuan meningkatkan kersionalan dan keadilan amalan-amalan kemasyarakatan dan pendidikan mereka sendiri, di samping meningkatkan kefahaman mereka tentang amalan-amalan itu serta situasi di mana amalan itu dilakukan. Kajian tindakan merupakan satu pendekatan untuk memperbaiki atau meningkatkan kualiti pendidikan melalui perubahan dengan menggalakkan para pendidik menjadi lebih sedar tentang amalan mereka sendiri, menjadi kritis terhadap amalan-amalan tersebut dan bersedia untuk mengubahnya. Ianya melibatkan para pendidik secara langsung dalam inkuiri yang dijalankan oleh mereka serta melibatkan para pendidik lain secara bersama. Proses kajian tindakan bergerak dalam satu kitaran yang berterusan melibatkan empat peringkat iaitu tinjauan, perancangan, pelaksanaan dan refleksi. Proses ini memberikan pengalaman menyelesaikan masalah kepada para pendidik di mana mereka mengumpul data untuk mendiagnosis masalah, merancang tindakan, dan memantau sama ada tindakan berkesan atau tidak dan sejauh manakah dapat menyelesaikan permasalahan yang dihadapi. Justeru, langkah utama untuk menggalakkan perubahan atau reformasi pendidikan ke arah kecemerlangan ialah dengan melibatkan para pendidik melaksanakan kajian dalam kelas atau bilik darjah mereka kerana sesungguhnya kajian tindakan merupakan katalis kepada peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran serta perubahan yang efektif.

Topik yang akan dibincangkan meliputi:

- Pengenalan Konsep, Definisi, Ciri dan Jenis Kajian Tindakan
- Model dan Proses Kajian Tindakan
- Refleksi dan Mengenal pasti Masalah Dalam Kajian Tindakan
- Langkah Pelaksanaan Kajian Tindakan

Workshop Level: Pengenalan/ Pertengahan/ Lanjutan

Workshop Learning Outcomes:

Di akhir bengkel ini peserta kursus diharap dapat;

- Memahami konsep dan proses kajian tindakan.
- Melaksanakan kajian tindakan dalam konteks tugas masing-masing bagi meningkatkan keberkesanan proses kerja dan kualiti hasil.

Who should attend?

Siapa sahaja samada daripada bidang pendidikan atau bukan pendidikan atau daripada sektor awam atau swasta, yang berminat dalam memperbaiki dan menambahbaik keberkesanan tugas dan amalan serta meningkatkan kualiti pengajaran atau perkhidmatan

“Action research is a research that ANY of us can do on his/her own practice to improve it”

Workshop Programme:

8.30 pagi	Pengenalan Konsep, Definisi, Ciri dan Jenis Kajian Tindakan
10.30 pagi	Minum Pagi
11.00 pagi	Model dan Proses Kajian Tindakan
1.00 Petang	Rehat/ makan tengah hari
2.30 Petang	Refleksi dan Mengenalpasti Masalah Dalam Kajian Tindakan
4.00 Petang	Langkah Pelaksanaan Kajian Tindakan
5.00 Petang	Minum Petang/Bersurai